

## Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127): Peranan dan Keberkesanannya Peraturan, Perintah dan Kaedah-kaedah di Bawahnya

SHAMSUDDIN BIN SUHOR

### ABSTRAK

*Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merupakan satu bukti kecintaan masyarakat Malaysia terhadap alam semula jadi. Akta ini dikaitkan dengan perkara mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling. Juga dinyatakan langkah-langkah menangani pencemaran dan seterusnya bagaimana pengurusan alam sekitar ini dilakukan dalam usaha mencapai dan memenuhi hasrat dasar alam sekitar negara. Akta telah diberikan kuasa dan bidang kuasa yang luas serta dibekalkan dengan kuasa-kuasa tambahan bagi membuat peraturan-peraturan, perintah-perintah serta kaedah-kaedah bagi melicinkan lagi perlaksanaan Akta ini. Kedudukan peruntukan-peruntukan tambahan ini amat bermakna dan amat penting dibaca seiring dengan Akta. Gabungan antara peraturan, perintah serta kaedah ini dengan Akta adalah merupakan senjata yang ampuh dalam menangani masalah alam sekitar di negara ini. Dalam hal ini masalah-masalah kekeliruan terhadap tafsiran, tahap kefahaman terhadap peruntukan dan kekurangan kepakaran serta faktor kelemahan kemanusiaan sendiri telah mencacatkan keberkesanannya dalam menangani isu alam sekitar ini. Oleh yang demikian kesedaran, kefahaman, kepatuhan terhadap Akta ini serta peraturan-peraturan, perintah-perintah dan kaedah-kaedah yang diperuntukan amatlah penting.*

### ABSTRACT

*Environmental Qualiti Act 1974 is a sign of commitment of Malaysian towards nature. This Act is related to the prevention, abatement, control of pollution and enhancement of the environment. It also deals with the administration of the environment and towards the achievement of the national environmental policy. The Act provides specific provisions with respect to licences, prohibition and control of pollution, appeal, delegation of powers and to make regulations for with respect to any matters to the environment. The additional regulations are needed so as to provide a clearer picture and a smooth implementation of the main Act. It helps the enforcement mechanism of the Act. However, the enforcement of the Act, its rules, regulations and orders are subjected to interpretation, the capabilities of enforcement officers, their expertise and human factors. Therefore the awareness and fully understanding of the existing subsidiary legislation as provided by the Act is crucial for implementation and enforcement purposes.*

## PENGENALAN

Mukadimah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) (kemudian daripada ini dikenali sebagai Akta 127) merupakan suatu akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Ianya telah dikuatkuasakan pada 15 April 1975 dan sejak itu ia telah mengalami empat kali pindaan iaitu pada tahun 1995, 1996, 1998 dan 2001.<sup>1</sup>

Rang Undang-undang ini ketika dibentangkan pada 15 Feb. 1975 dikenali sebagai Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekitar dan diperbahaskan dengan panjang lebarnya bagi setiap perkara yang dibangkitkan. Semua pihak menyedari tentang keperluan melindungi alam sekitar dan keseimbangannya dalam melaksanakan proses pembangunan negara. Keterlibatan pihak kerajaan, swasta dan masyarakat keseluruhannya dalam melahirkan Rang Undang-Undang ini dapat mengelakkan tanggapan salah terhadap pertembungan yang berlaku antara pembangunan negara dengan perlindungan alam sekitar. Ketika pembentangannya, Dewan telah dimaklumkan bahawa :

It is clear that this Bill would fill a long-felt need. This Bill is not opposed to industrialisation or economic progress. Indeed it reinforces the fruits of economic development in that it safeguards society's health and resources from poor management. We must face our environmental problems now and pay the inevitable but limited costs. The alternatives is to do nothing now but pay for higher economic and social costs in the years to come.<sup>2</sup>

Rang Undang-undang ini telah diluluskan dengan beberapa pindaan berdasarkan kepada pandangan ahli Dewan dan lembaran sejarah undang-undang alam sekitar mula dilakukan dengan lebih terancang.

Rang Undang-undang ini merupakan suatu perundangan yang baru dan pastinya ada kelemahan dan kekurangannya di sana sini dan kemungkinan ada perkara yang terlepas pandang dan ada perkara yang tidak terlintas dalam perkiraan ketika itu. Walaubagaimanapun hal yang berkaitan itu akan sentiasa dipantau dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Ini jelas dengan apa yang telah berlaku terhadap Akta 127 sejak ia dikuatkuasakan dengan beberapa siri pindaan yang telah dilakukan.

<sup>1</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1995 (A636).

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 (A953).

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 (A1030).

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001 (A1102).

<sup>2</sup> Penyata Rasmi, Dewan Negara, Parlimen Ketiga, Pengal Parlimen Ketiga, Jilid III. Bil.28. 15 Feb 1974, 2447 di hal. 2451. Dibentangkan oleh YB Menteri Tugas-Tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum).

## KUASA MEMBUAT PERUNTUKAN TAMBAHAN

Dalam masa berkuatkuasanya Akta 127 ini, ia perlu disokong dengan peruntukan perundangan lainnya bagi memperincikan dan melicinkan perlaksanaannya. Sehubungan dengan itu, Akta 127 memperuntukan kuasa tambahan kepada pihak-pihak tertentu untuk memperjelaskan sesuatu hal keadaan yang berkaitan dengan Akta 127 ini. Peruntukan berkaitan dengan kuasa dan penurunan kuasa-kuasa perundangan serta kuasa perwakilan terkandung dengan jelas melalui ss 21, 29A, 29AA, 30, 34A 45, 49 dan 51 Akta 127 itu sendiri. Kewujudan seksyen-seksyen ini dapat memberikan kekuatan kepada Akta 127 untuk bergerak selaras dengan keperluan semasa kesesuaian.

Tiga perkara telah dilakukan, pertama, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan; kedua, kuasa untuk membuat perintah-perintah; dan ketiga, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang berkaitan. Perkara ini akan dilihat satu persatu dari segi kewujudannya, peranannya dan kepentingannya serta keberkesanannya di samping mencari kelemahan-kelemahannya, jika ada.

### PERATURAN-PERATURAN DI BAWAH AKTA 127

Terdapat lebih kurang 13 Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling berkaitan pelbagai perkara telah diluluskan sejak Akta 127 mula dikuatkuasakan hingga ke hari ini. Ia menyentuh tentang amalan pengurusan dan tindakan tertentu terhadap beberapa perkara umum dalam Akta 127. Peraturan-peraturan yang diluluskan di bawah Akta 127 ini dibuat bagi tujuan mengemaskinikan peruntukan umum yang dinyatakan dalam Akta 127 berkenaan. Kuasa membuat peraturan ini dinyatakan melalui ss 21, 45 dan 51

#### SEKSYEN 51

Seksyen 51 (1) antara lainnya termasuklah memberi kuasa tambahan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan bayaran dan perlesenan, menetapkan standard-standard atau kritirium-kritirium bagi melaksanakan apa-apa dasar atau pengklasan yang diisytiharkan mengenai alam dan membuat ketetapan bila sesuatu bahan, perbuatan atau benda itu meracun, merosakkan, mencela, memudaratkan kesihatan; melarang pelepasan, pengeluaran atau peletakan ke dalam alam sekeliling apa-apa bahan sama ada cecair, pepejal atau gas dan melarang atau mengawal penggunaan sesuatu bahan api yang tertentu; menetapkan standard-standard kualiti udara sekeliling, standard-standard pengeluaran, kapadatan maksimum yang dibenarkan; menetapkan standard kualiti air; melarang atau mengawal pembakaran terbuka sampah-sarap atau apa-apa bahan lain yang mudah terbakar; larangan terhadap pelupusan buangan-buangan pepejal atau cecair atau di dalam tanah;

mentakrifkan bunyi bising dan standad-standad bagi bunyi bising yang boleh dibenarkan; mengawal audit alam sekeliling dan pengemukaan suatu laporan audit dan perlantikan kakitangan yang berkelayakan untuk membantu Ketua Pengarah dalam menjalankan audit alam sekeliling bagi mana-mana premis itu, tanpa mengira sama ada premis itu adalah yang ditetapkan atau selainnya, dan cara pengendaliannya dan bayaran yang boleh dikenakan; mengawal langkah-langkah untuk menilai, mengawal, mengurangkan atau menghapuskan risiko alam sekeliling; mengawal kekompetenan orang yang layak untuk menyelenggara dan mengendalikan apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan.

Adalah jelas di sini, Menteri setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling (Majlis) diberi kuasa untuk membuat peraturan dan apa-apa peraturan berkaitan dengan pelbagai perkara seperti membuat ketetapan ukuran standad pencemar, larangan-larangan tertentu dan takfirian beberapa perkara. Menteri boleh membuat peraturan itu sama ada secara umum dan menyeluruh atau dikhatusukan dan dihadkan kepada keadaan dan perkara tertentu sahaja mengikut keperluan dan kepentingan ia diwujudkan. Ini adalah budi bicara terarah yang diselitkan sebagaimana yang dinyatakan oleh s 51(2) Akta 127.<sup>3</sup>

Sejak Akta 127 dikuatkuasakan, s 51 (1) ini telah dipinda sebanyak dua kali melalui pindaan A636<sup>4</sup> dan A953.<sup>5</sup> Pindaan memasukkan dan atau memansuhkan peruntukan-peruntukan tertentu yang telah dilakukan itu atau pindaan pada masa-masa akan datang adalah suatu perkara yang sihat. Hal ini seolah-olah menggambarkan bahawa Akta 127 ini sesuatu yang ‘hidup’ dan sentiasa berkembang menurut keperluan semasa.

Sehubungan itu s 51 telah digunakan untuk meluluskan sembilan peraturan iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Perlesenan), 1977, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluen-effluen Perindustrian), 1979, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor), 1985, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang

<sup>3</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, s 51 (2) *Mana-mana peraturan itu boleh dibuat secara am atau terhad tentang kuatkuasanya mengenai masa, tempat, orang-orang, atau hal keadaan sama ada masa, tempat, orang atau hal keadaan itu ditentukan atau dipastikan sebelum, pada atau selepas peraturan-peraturan itu dibuat.*

<sup>4</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1995 yang melibatkan pindaan terhadap s.51(1), s.51(1) (m), (n), (o), (r) dan (s).

<sup>5</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 yang melibatkan pindaan terhadap s.51(1) (ee), (t), (u), (v) dan (w).

Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigerant) 1999 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999.

## SEKSYEN 21

Selain s 51, Menteri juga diberi kuasa dan bidang kuasa tambahan di bawah s 21 juga untuk membuat peraturan-peraturan yang berkaitan seperti menentukan syarat-syarat pengeluaran, pelepasan dan sebagainya benda-benda yang dikategorikan sebagai berbahaya kepada alam sekeliling. Seksyen ini telah mengalami dua pindaan<sup>6</sup> sejak ia mula dikuatkuasakan dan peruntukan terbarunya berbunyi:

Menteri selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui peraturan-peraturan menentukan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran atau peletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan atau pengeluaran bunyi bising kedalam suatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling dan boleh menguntukkan sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling ke dalam mana pengeluaran, pelepasan atau peletakan itu adalah dilarang atau disekat.

Keperluan meletakkan syarat-syarat berhubung dengan tahap pencemaran yang dibenarkan adalah penting dan kian mendesak. Ini kerana Akta 127 tidak membuat sebarang perincian kadar-kadar tertentu tahap pencemaran yang dibenarkan, kaedah penyimpanan dan bagaimana pelupusan bahan pencemar dilakukan. Maka tugas serta tanggungjawab tersebut terletak di pihak Menteri di bawah Kementerian Sains Teknologi Dan Alam Sekitar atau mana-mana Menteri yang bertanggungjawab bagi melindungi alam sekeliling. Oleh yang demikian, s 21 ini telah menjelaskan bahawa Menteri selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling (Majlis) akan menetapkan syarat-syarat seperti menentukan tahap pencemaran yang dibenarkan dan membuatkan perinciannya terhadap kawasan-kawasan yang dibenarkan atau dilarang daripada sebarang pencemaran.

Seksyen 21 ini akan dan telah digunakan dari semasa ke semasa dan Peraturan yang telah dibuat sehingga kini yang melibatkan s 21 adalah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol), 1996 Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol), 1996 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel), 1996.

---

<sup>6</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 (A953) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001 (A1102).

## PERINTAH-PERINTAH DI BAWAH AKTA 127

Selain daripada peraturan-peraturan, Akta 127 juga memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tertentu untuk membuat perintah bagi menjelaskan kedudukan dan keperluan peruntukan akta ini. Terdapat sebelas perintah yang telah diluluskan dan Perintah-Perintah Kualiti Alam Sekeliling yang telah dibuat melalui peruntukan Akta 127 sehingga kini adalah seperti berikut iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling ) 1987; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin), 1993; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin), 1994; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Ke Atas Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-Lain Gas Sebagai Propelan dan Agen Pengembang), 1993; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Ke Atas Penggunaan Bahan Terkawal Di Dalam Sabun, Bahan Cuci Sintetik Dan Agen Pencuci Lain), 1995; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Ke Atas Penggunaan Bahan Terkawal Di Dalam Sabun, Bahan Cuci Sintetik Dan Agen Pencuci Lain), 1995; Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000; dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Pengurusan Halon) 2000. Peruntukan yang bertanggungjawab mewujudkan kuasa membuat Perintah-perintah ini adalah melalui ss 18, 29A, 29AA, 30, 30A, 34A, dan 49(1).

### SEKSYEN 18

Menurut s 18<sup>7</sup> Menteri boleh membuat ketetapan terhadap mana-mana premis yang digunakan untuk sesuatu aktiviti yang disenaraikan sebagai aktiviti yang ditetapkan supaya dilesenkan. Selain daripada premis, perintah perlesenan juga

<sup>7</sup> Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, s. 18 (1) "Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan premis (kemudian daripada ini disebut premis yang ditetapkan) yang pendudukan atau penggunaannya oleh sesorang adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan jika orang itu adalah pemegang bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis itu."

s.18(1A) "Menteri selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan kenderaan atau kapal yang digunakan bagi pergerakan, pemindahan, penempatan atau perletakan buangan (selepas ini disebut pembawa yang ditetapkan) yang penggunaannya oleh mana-mana orang, melainkan jika orang itu adalah pemegang bagi lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan pembawa yang ditetapkan itu, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini."

boleh dibuat bagi menetapkan kenderaan atau kapal yang digunakan bagi pergerakan, pemindahan, penempatan atau perletakan buangan yang boleh menjelaskan persekitaran. Sehingga kini tiga perintah telah dibuat di bawah s 18 iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.

#### SEKSYEN 29AA

Seksyen 29A secara umumnya berkaitan dengan pembakaran terbuka yang boleh mendarangkan masalah kepada udara persekitaran. Sementara itu s 29AA pula telah memperuntukan bahawa Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengisyiharkan bahawa apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan bagi maksud apa-apa aktiviti yang ditentukan dalam perintah itu bukan pembakaran terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam dan bagi maksud s 29A selagi aktiviti itu dijalankan mengikut atau di bawah syarat-syarat yang dinyatakan dalam perintah itu dan tidak di dalam tempat atau kawasan yang ditentukan dalam perintah itu.<sup>8</sup> Dalam pada itu juga Menteri boleh membuat perintah untuk tidak memberarkan sebarang kebakaran, pembakaran atau pembaraan dilakukan sekiranya aktiviti tersebut akan membahayakan alam sekeliling.<sup>9</sup> Sehubungan dengan larangan dan kawalan terhadap pembakaran terbuka ini s 29A telah digunakan bagi meluluskan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000. Perintah ini antara lainnya memberikan takrifan pembakaran terbuka serta menyenaraikan aktiviti yang ditetapkan sebagai pembakaran terbuka yang dibenarkan.

#### SEKSYEN 30

Seksyen 30 memperuntukan bahawa Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam warta melarang penggunaan apa-apa bahan untuk apa-apa proses, tred atau perindustrian termasuk penggunaan apa-apa kelengkapan atau loji perindustrian dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam perintah itu. Sehingga kini terdapat satu perintah sahaja yang telah dibuat di bawah s 30 iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Ke Atas Penggunaan Bahan Terkawal di dalam Sabun, Bahan Cuci Sintetik dan Agen Pencuci Lain), 1995.

<sup>8</sup> Akta Kualiti Alam sekeliling (Pindaan) 2001 (Akta 1120) Di Wartakan pada 28 Jun 2001.

<sup>9</sup> Akta Kualiti Alam sekeliling (Pindaan) 2001, s. 5., Akta Kualiti Alam sekeliling 1974, s.29AA(3).

#### SEKSYEN 34A

Seksyen 34A telah digunakan oleh Menteri bagi membuat Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987. Seksyen 34A telah dibawa masuk melalui pindaan tahun 1995 (A636) yang memerlukan suatu laporan terhadap kesan kepada alam sekitar dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar bagi menilai kedudukan pembangunan yang dilakukan itu terhadap persekitarannya. Seksyen 34A(1) menyebutkan bahawa:

Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan apa-apa aktiviti yang mungkin mempunyai kesan yang bererti pada alam sekeliling sebagai aktiviti yang ditetapkan.

Perintah ini merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana ia menyenaraikan sebanyak 19 aktiviti yang memerlukan suatu laporan dibuat sebelum sebarang kelulusan pembangunan dilakukan. Perintah ini bertujuan mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dengan pemeliharaan alam sekeliling. Pada tahun 2000 perintah ini telah dipinda bagi memasukkan perenggan baru mengenai takat pemakaian perintah ini bagi aktiviti tertentu yang ditetapkan di Sabah dan Sarawak<sup>10</sup>

#### SEKSYEN 49(1)

Selain daripada Menteri, ketua pengarah juga diberikan kuasa untuk membuat apa-apa perintah yang bersesuaian dengan tugas-tugas dan kewajipannya yang sedia ada seperti yang diperuntukkan di bawah s 3 Akta 127. Melalui s 49(1), dia boleh menurunkan kuasanya kepada wakil-wakil yang dilantik olehnya. Kuasa perwakilan ini hendaklah dibuat dalam bentuk perintah dan sehingga kini terdapat Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin), 1993, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin), 1994 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Pengurusan Halon) 2000 yang telah dibuat di bawah s.49(1).

#### KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH AKTA 127

Sehingga kini terdapat dua kaedah yang telah diluluskan di bawah Akta 127 iaitu Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-

<sup>10</sup> Perintah Kualiti Alam sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) (Pindaan) 2000 [ P.U.(A) 489/2000].

kesalahan) 1978<sup>11</sup> dan Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000.<sup>12</sup>

#### SEKSYEN 45(2)

Kuasa untuk membuat kaedah di bawah Akta 127 diperuntukkan oleh s 45 (2) yang menyatakan:

Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan cara dan acara bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan itu.

Manakala s 45 keseluruhannya adalah mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. Memandangkan cara dan acara bagaimana kompaun ini hendak dilaksanakan tidak diperlukan dalam Akta 127 maka suatu kaedah mengkompaun kesalahan perlu diwujudkan.

Dalam hal ini Menteri tidak perlu lagi berunding dengan Majlis Alam Sekeliling bagi menetapkan cara atau acara bagi melakukan sesuatu itu. Ini kerana ‘kaedah-kaedah’ hanyalah merupakan suatu cara atau peraturan untuk melakukan sesuatu mengikut ketetapannya. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan itu telah pun dinyatakan sama ada dalam Akta 127,<sup>13</sup> peraturan-peraturan ataupun perintah-perintah yang telah dibuat terlebih awal.

Kuasa untuk mengenakan kompaun ini telah dinyatakan dalam s 45 (1) dengan memberi kuasa kepada ketua pengarah atau timbalan ketua pengarah, atau mana-mana pegawai awam, pegawai pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang telah diwakilkan oleh ketua pengarah itu sendiri. Cara urusan kompaun dilaksanakan adalah seperti yang dijelaskan dalam Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan), 1978.

Menurut Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) 1978, jumlah wang yang hendak dikutip bagi mengkompaun sesuatu kesalahan hendaklah tidak lebih daripada lima ratus ringgit. Kaedah ini juga memperuntukkan bagaimana tata cara pembayaran dibuat, pengeluaran resit rasmi dan takat pemakaian kaedah ini di seluruh Malaysia.

Tindakan mengenakan kompaun biasanya dikaitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang diluluskan. Sebagai contohnya Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 di Bahagian

<sup>11</sup> [P.U.(A) 281/1978].

<sup>12</sup> [P.U.(A310/2000)].

<sup>13</sup> Sebagai contoh, Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000 memperuntukkan melalui Kaedah 2 menyebutkan bahawa “mana-mana kesalahan pembakaran terbuka di bawah seksyen 29A atau 29B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merupakan suatu kesalahan yang boleh dikompaunkan”.

VIII melalui Peraturan 58 menyenaraikan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan. Peraturan 58 itu memperuntukan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun oleh Ketua Pengarah di bawah s 45(1) Akta. Kesalahan terhadap peraturan-peraturan 4,7 dan 8 serta seterusnya sebagaimana yang disenaraikan itu boleh dikompaunkan sahaja dan cara serta tata cara dilaksanakan adalah menurut Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan), 1978 yang telah diluluskan itu.

## PERANAN DAN KEPENTINGAN

Peraturan, perintah serta kaedah yang telah dibuat di bawah Akta 127 ini adalah berdasarkan kepada keperluan semasa mengikut kesesuaian bertujuan melengkapkan dan memperkuatkan kedudukan Akta 127. Peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri perlu dirujuk dan dibincangkan terlebih dahulu dengan Majlis bagi mendapatkan pandangan. Kaedah perbincangan ini dapat memberikan hasil yang baik dan tidak bergantung kepada budi bicara satu pihak sahaja dalam membuat sebarang keputusan.

Peraturan, perintah dan kaedah yang dibuat sehingga kini ternyata dapat membantu dan mempermudahkan mana-mana peruntukan umum Akta 127. Penetapan syarat-syarat pengeluaran, pelepasan atau perletakan benda-benda berbahaya yang menyebabkan pencemaran udara, air, tanah serta bunyi bising seperti mana yang diperuntukan melalui s 21 telah sekurang-kurangnya disusuli dengan peraturan-peraturan dan perintah-perintah yang telah dinyatakan.

Sebagai contohnya, ketetapan terhadap had bunyi bising bagi sesuatu kawasan, bunyi bising kenderaan motor dan peraturan berhubung cara ujian dilakukan telah dapat menjelaskan bagaimana akta ini beroperasi. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor), 1987 misalnya telah menemukan suatu unit ukuran paras bunyi bising melalui sukatan ‘Desibel-berpemberat-A’ atau  $dB(A)$ .

Dalam hal yang berkaitan dengan pencemaran udara misalnya, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978 memperincikan perkara seperti pembakaran buangan, pelepasan asap hitam serta kepadatan bendasing udara. Ini jelas mengkhusus kepada perindustrian. Manakala Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel), 1996 memastikan perintah larangan pengendalian kenderaan motor tidak melebihi sukatan HSU atau unit asap yang setara sebagaimana yang ditetapkan. Dalam hal ini Peraturan lebih mengkhusus kepada pelepasan asap kenderaan motor.

Seterusnya, kawalan pencemaran air telah membawa kepada peraturan-peraturan dan perintah-perintah yang mengkhusus kepada aktiviti pertanian seperti getah dan kelapa sawit selain daripada kawalan terhadap buangan terjadual bagi aktiviti perindustrian serta aktiviti pembangunan melalui Perintah-

perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987.

Kesemua peraturan, perintah dan kaedah yang dibuat ternyata pada prinsipnya dapat menangani masalah alam sekitar dan segala yang diperuntukan adalah menjurus ke arah keseimbangan pembangunan dan pemuliharaan alam sekeliling.

## KEBERKESANAN DAN PERMASALAHAN

Timbul persoalan dari segi keberkesanan semua peruntukan perundungan ini kerana masih terdapat isu alam sekitar yang seolah-olah belum selesai terus diperkatakan. Isu keberkesanan banyak bergantung kepada pengetahuan terhadap kewujudan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar dan kefahaman terhadap peruntukan yang ada. Semua pihak yang terlibat dengan aktiviti yang berkemungkinan serta boleh menjelaskan alam sekeliling perlu tahu tentang semua perundungan yang berkaitan dengan bidang mereka. Bagi membantu pihak yang terlibat agar peka dan sedar tentang adanya peruntukan tambahan atau undang-undang kecil yang berkaitan, seorang pegawai perlu ditugaskan bagi memastikan perkembangan dalam perundungan dapat diselaraskan dengan aktiviti yang dijalankan.

Dalam pada itu juga pengetahuan semata-mata tentang kewujudan undang-undang ini tidak banyak membantu menangani masalah pencemaran alam sekitar. Pengetahuan perlu digabungkan dengan kecekapan menggunakan peruntukan perundungan tersebut. Apa yang berlaku dalam kes *Quek Gin Hong v. Public Prosecutor*<sup>14</sup> menunjukkan kesilapan melakukan pertuduhan yang antara lainnya membawa kepada kegagalan membuat pertuduhan.

Selain itu, soal penguatkuasaan juga turut menjadi kayu pengukur kepada keberkesanan perundungan ini. Seksyen 44 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya. Ini bermakna pihak Jabatan Peguam Negara perlu dimaklumkan tentang sesuatu pelanggaran terhadap peruntukan akta atau peraturan telah dilakukan dan terpulanglah kepada pihak Pendakwa Raya untuk membuat keputusan. Mana-mana pihak yang cuba melakukan pendakwaan tanpa mendapat persetujuan bertulisnya tidak mungkin dapat membawa kes pelanggaran itu ke mahakamah. Ini telah diputuskan dalam kes *Quek Gin Hong v. Public Prosecutor*<sup>15</sup> yang mengatakan bahawa pendakwaan tanpa persetujuan bertulis Pendakwa Raya adalah tidak sah.

<sup>14</sup> [1998] 4 CLJ Supp 515.

<sup>15</sup> [1998] 4 CLJ Supp 515.

Seterusnya keupayaan dari segi kecekapan dan kepakaran kakitangan penguatkuasaan perlu diberikan perhatian. Peruntukan dalam peraturan dan perintah ada kalanya memerlukan kepakaran dan kemahiran teknikal yang tinggi dalam pengendalian peralatan dan ujian tahap pencemaran. Selain itu juga pegawai pendakwa perlu memainkan peranan agar keputusan dalam kes *PP v. Intrakota Consolidated Bhd.*<sup>16</sup> tidak berulang. Kes yang menunjukkan ada berlakunya pencemaran yang jelas tetapi atas sebab-sebab teknikal pihak yang melakukan pelanggaran tidak dapat dipersalahkan. Sehubungan itu semua kakitangan di semua bahagian atau cawangan yang terlibat dengan pemantauan, pengawasan, penguatkuasaan dan pendakwaan serta pentadbiran keseluruhannya harus cekap dan mahir serta berpengetahuan dalam tugas masing-masing. Peraturan dan perintah di bawah akta adalah gabungan perundangan dan teknikal dan perlaksanaannya memerlukan sumber manusia yang berkelayakan.

Keperluan kakitangan yang ramai dengan kecekapan yang tinggi serta kecanggihan peralatan membawa kepada isu pembiayaan. Kedudukan kewangan yang kukuh sangat diperlukan di samping sokongan masyarakat serta pihak berkuasa dalam melaksanakan peraturan, perintah dan kaedah ini akhirnya dapat menjamin keberkesan dan kejayaan menangani isu alam sekitar.

Selain daripada beberapa seksyen yang dibincangkan di atas terdapat beberapa seksyen lain yang masih belum digunakan sepenuhnya. Seksyen 30A ada memperuntukan kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah menetapkan apa-apa benda sebagai benda berbahaya kepada alam sekeliling yang menghendaki benda itu dikurangkan, dikitar, didapatkan atau dikawal mengikut cara yang dinyatakan dan juga boleh melalui perintah menetapkan apa-apa keluaran sebagai keluaran yang ditetapkan untuk jualan dan bahawa keluaran itu hendaklah mengandungi peratusan minimum benda-benda yang dikitar dan mempunyai kenyataan yang sesuai tentang juzuk dikitar, kaedah pengilangan dan pelupusannya. Kaedah juga boleh dibuat tentang penggunaan, reka bentuk dan pemakaian label yang berkaitan dengan penjualan benda atau keluaran yang diperakukan sebagai tidak memudaratkan alam sekitar.<sup>17</sup>

Seksyen 30B juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri supaya menyediakan dan mengadakan garis panduan dan prosedur mengenai skim deposit dan rebet berhubung dengan pelupusan keluaran yang dianggap memudaratkan alam atau menyebabkankekangan bertentangan terhadap alam sekeliling. Kaedah perlu dibuat kerana pindaan yang dilakukan terhadap seksyen ini melalui A953 bertujuan memastikan pelupusan keluaran yang ditetapkan itu dapat dipungut dengan lebih berkesan dan seterusnya memastikan kitaran atau pelupusan dapat dilakukan dengan cara yang terbaik.

<sup>16</sup> [1999] 4 CLJ 714.

<sup>17</sup> Akta Kualiti Alam sekeliling 1974, s.30A (2).

Menteri harus bersedia untuk menggunakan s 31A berhubung dengan kuasa mengeluarkan perintah larangan kepada mana-mana pemunya atau penduduk mana-mana loji perindustrian atau proses perindustrian bagi mencegah pengendalian yang berterusan secara mutlak atau bersyarat. Ini boleh dilakukan jika Menteri berpendapat bahawa alam sekeliling, kesihatan atau keselamatan awam berkemungkinan terancam dengan serius.

Dalam pada itu audit alam sekeliling merupakan satu lagi ruang yang harus digunakan oleh Menteri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan melalui s 33A. Keperluan memperincikan pengauditinan alam sekeliling yang melibatkan perkara seperti prosedur atau cara yang ditetapkan, perlantikan tenaga kepakaran dan bidang keutamaan yang memerlukan audit harus diberikan perhatian yang sewajarnya.<sup>18</sup>

Sehingga kini kedudukan s 36A juga belum dimanfaatkan keseluruhannya kerana pembayaran ses dan kumpulan wang alam sekeliling, penubuhan kumpulan wang, jawatankuasa serta bagi maksud penyelidikan bagi maksud menjalankan, menggalakkan atau menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahan masih tiada perkembangan.

## KESIMPULAN

Peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan, swasta serta setiap individu dalam memelihara persekitaran bukan suatu yang dianggap sampingan sahaja. Ia merupakan suatu tanggungjawab yang besar kerana ia melibatkan kepentingan bersama. Kesedaran terhadap kepentingan alam sekeliling serta keputusan terhadap peruntukan Akta, Peraturan, Perintah, Kaedah sehingga kepadanya Undang-Undang Kecil yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan memberikan kejayaan dalam menangani masalah alam sekitar. Antara perkara yang dapat menyokong ke arah perkembangan perundangan alam sekitar yang sihat ialah keupayaan pihak kerajaan menyediakan tenaga pakar dan peralatan bagi menguatkuasakan perundangan, kesanggupan pihak swasta menyediakan peruntukan kewangan bagi mendapat dan menyediakan teknologi tercanggih yang mesra alam dan seterusnya kesedaran serta sikap ambil berat berterusan

---

<sup>18</sup> Harwant Singh and Bujang BK Huat, "Environmental Concerns, Legislative Instruments, Necessities and Challenges", [2002] 2 MLJ cc. Sila lihat juga Janet Looi "Environmental Issues: Major Case Law And Environmental Management" [2002] 3 MLJ cc1xxvii.

masyarakat terhadap alam sekitar. Adalah dipercayai jika semua peruntukan perundangan mampu dikemaskinikan dari semasa ke semasa, dimaklumkan dan difahami, digerakkan dan dikuatkuasakan maka separuh daripada alam sekitar ini pasti terselamat. Manakala sebahagian lagi terserah pada tangan manusia itu sendiri.

Profesor Madya Shamsuddin Suhor  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E.  
Malaysia